



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

19hb Disember 2019

No. 26

No. 1229.

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

**FATWA MENGENAI MEMASUKKAN PERKATAAN 'ISLAM' DI DALAM
KAD PENGENALAN SELEPAS MEMELUK AGAMA ISLAM BAGI
MUALAF/SAUDARA BARU**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 yang bersidang pada 18 dan 19 Disember 2017 telah membincangkan mengenai isu Memasukkan Perkataan 'Islam' Di Dalam Kad Pengenalan Selepas Memeluk Agama Islam Bagi Muallaf/Saudara Baru. Mesyuarat memutuskan bahawa mana-mana orang yang memeluk agama Islam hendaklah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk dimasukkan perkataan 'Islam' ke dalam kad pengenalan berdasarkan سد الذريعة iaitu menutup jalan yang membawa kepada kerosakan

(mafsadah) dan *maqasid al-syariah* : حفظ الدين iaitu memelihara agama bagi tujuan mengatasi permasalahan yang timbul dan sering dikaitkan dengan saudara baru.

Dibuat 20 Disember 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (14); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR

Mufti

State Government of Penang

*ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004*

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI MEMASUKKAN PERKATAAN 'ISLAM' DI DALAM KAD
PENGENALAN SELEPAS MEMELUK AGAMA ISLAM BAGI MUALAF / SAUDARA BARU*

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 yang bersidang pada 18 dan 19 Disember 2017 telah membincangkan mengenai isu Memasukkan Perkataan 'Islam' Di Dalam Kad Pengenalan Selepas Memeluk Agama Islam Bagi Mualaf/Saudara Baru. Mesyuarat memutuskan bahawa mana-mana orang yang memeluk agama Islam hendaklah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk dimasukkan perkataan 'Islam' ke dalam kad pengenalan berdasarkan سد الذريعة iaitu menutup jalan yang membawa kepada kerosakan (mafsadah) dan maqasid al-syariah : حفظ الدين iaitu memelihara agama bagi tujuan mengatasi permasalahan yang timbul dan sering dikaitkan dengan saudara baru.

Made 20 December 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (14); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti
State Government of Penang

اينكمن فنتدبيرن اكام اسلام
(نكري فولاو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجانكن كواس يڭ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن فنتدبيرن اكام اسلام (نكري فولاو فينغ) [اينكمن 2]، اتس فركنن يڭ دفرتوان اڭوڭ، جاوتنكواس فتوى نكري فولاو فينغ، ممبوات فتوى يڭ دپاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڭنايي مماسوقكن فركاتان 'إسلام' ددالم كد فڭنلن سلفس مملوق اكام إسلام باكي مؤلف / سودارا بارو

مشوارت جاواتنكواس فتوى نكري فولاو فينغ بيلاغن 2017/6 يڭ برسيداڭ قد 18 دان 19 ديسيمبر 2017 تله ممينچيكن مڭنايي ايسو مماسوقكن فركاتان 'إسلام' ددالم كد فڭنلن سلفس مملوق اكام إسلام باكي مؤلف / سودارا بارو. مشوارت مموتوسكن بهاوا مان-مان اورڭ يڭ مملوق اكام إسلام هندقله مموهون كقد جابتن فندقترن نڭارا اونتوق دماسوقكن فركاتان 'إسلام' كدالم كد فڭنلن برداسركن سد الذريعة ياعيت منوتوف جالن يڭ ممباوا كقد كروسقكن (مفسده) دان مقاصد الشريعة : حفظ الدين ياعيت ممليهارا اكام باكي توجوان مڭاتسي فرمسئلهن يڭ تيمبول دان سريڭ دكاءينكن دڭن سودارا بارو.

ديوات 20 ديسيمبر 2018

[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.5]

داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور

مفتي

كراجاءن نكري فولاو فينغ